

**PARLIMEN**  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat  
Dijawab Dalam Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian**

**HARIRABU: 09 NOVEMBER 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 7,10 HINGGA 43 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA**

/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH**  
**SOALAN NO 7**  
**Y.B. DATO' SRI LOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**[KAPIT]**  
**TARIKH 9 NOVEMBER 2011**  
**SOALAN**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Klinik Kesihatan 1 Malaysia yang telah ditubuhkan atau dibuka di kawasan luar bandar di Sarawak. Kawasan manakah Klinik-klinik berkenaan dibuka atau ditubuhkan sehingga ke hari ini

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama- sama dengan dua (2) soalan yang lain yang menyentuh isu Klinik 1 Malaysia iaitu pertanyaan daripada **Y.B Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]** bertarikh 10 November 2011 dan **Tuan Ding Kuong Hilng [Sarikei]** bertarikh 29 November 2011, kerana pertanyaan- pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen, agensi Kerajaan dan semua ahli masyarakat di atas kerjasama, penglibatan serta komitmen yang diberikan dalam penubuhan Klinik 1 Malaysia

Untuk makluman, Klinik 1 Malaysia diwujudkan di kawasan bandar sahaja bertujuan memudahkan masyarakat berpendapatan rendah di kawasan bandar mendapat akses perkhidmatan kesihatan. Bagi kawasan luar bandar Kementerian telah menyediakan kemudahan kesihatan seperti Klinik Kesihatan dan Klinik Desa. Sehingga kini terdapat 80 Klinik 1 Malaysia di seluruh negara dan di Sarawak, terdapat 7 buah Klinik 1 Malaysia iaitu 3 buah di Sibul, 2 buah di Kuching dan setiap 1 di Miri dan Bintulu. Bagi tahun 2012, Kementerian bercadang untuk menambah 3 buah lagi Klinik 1 Malaysia di Sarawak iaitu 2 buah di Miri dan 1 di Kuching.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Perkhidmatan di Klinik 1 Malaysia yang disediakan adalah perkhidmatan kuratif seperti perkhidmatan rawatan ringan seperti demam, batuk, demam selesema dan penyakit ringan yang lain serta prosedur rawatan ringan seperti mencuci luka dan membuka jahitan.

Berbeza dengan Klinik kesihatan seperti Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Buit, Klinik 1 Malaysia tidak memberikan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Oleh yang demikian, isu menaiktaraf Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Buit menjadi Klinik 1 Malaysia tidak timbul kerana sememangnya perkhidmatan kesihatan dikedua-dua

fasiliti ini adalah lebih komprehensif. Walau bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menaiktaraf perkhidmatan di kedua-dua Klinik kesihatan ini dengan perkhidmatan pegawai perubatan yang melawat 1-2 kali sebulan dan merancang untuk menambahkan lagi perjawatan bagi kategori Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi permohonan penubuhan Klinik 1 Malaysia di Pekan Jakar, pihak Kementerian mendapati lokasi ini kurang sesuai memandangkan telah terdapat 1 Klinik Kesihatan dan 2 Klinik Desa yang memberi perkhidmatan kepada 7,000 penduduk dengan jarak 7-10km dari Pekan Jakar iaitu:

- a) Klinik Kesihatan Sarikei terletak 10 km dari Pekan Jakar.
- b) Klinik Desa Sungai Rusa terletak 9 km dari Pekan Jakar dan
- c) Klinik Desa Bayong yang terletak 7 km dari Pekan Jakar.

**NO.SOALAN :**

**10 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**

**[HULU LANGAT]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan terus berhasrat membina Reaktor Nuklear dan sejauh mana pendidikan kepada

orang awam dibuat dalam menjelaskan baik buruk penggunaan tenaga nuklear.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan projek pembinaan loji janakuasa nuklear. Aktiviti yang sedang dilaksanakan adalah hanya tertumpu kepada kajian-kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya sesuatu projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa, sekiranya penjanaan kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal.



Kajian-kajian ini termasuk tinjauan pendapat awam yang komprehensif dan perumusan program penyebaran maklumat awam mengenai pelbagai aspek penjana kuasa nuklear oleh juruperunding antarabangsa yang berpengalaman dalam bidang komunikasi nuklear.

Sehubungan ini, agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab telah memulakan aktiviti pendidikan awam dan perbincangan berkenaan dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) semenjak tahun 2007 lagi. Perbincangan ini termasuk beberapa siri dialog dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam Bangunan Parlimen ini sendiri dan tempat lain di luar, dengan melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua-dua pihak Kerajaan dan Pembangkang.

Perbincangan-perbincangan ini juga telah melibatkan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dalam bidang-bidang profesional, sivik, sosial, keagamaan, perlindungan alam sekitar, perlindungan pengguna dan sebagainya, selain dari pihak media massa, pertubuhan-pertubuhan industri dan agensi-agensi Kerajaan serta syarikat-syarikat milik Kerajaan.

Perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan ini telah dianjurkan secara kerjasama di antara Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Agensi Nuklear Malaysia, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, dan Suruhanjaya Tenaga.

Program ceramah ke sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi juga telah diadakan oleh Agensi Nuklear Malaysia.

Bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan dan menyeluruh,



Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bersama-sama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan akan melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam mengenai tenaga nuklear untuk tujuan keamanan (*nuclear energy for peaceful purposes*) secara berpusat (*centralised*).

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' ISMAIL BIN KASIM [ ARAU ]**

**TARIKH**

**9 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha-usaha bagi memperjelaskan ketepatan fakta-fakta bagi menangkis golongan penulis blog, *website* dan Facebook yang bukan terdiri daripada wartawan sebenar dan apakah tindakan yang boleh diambil kepada mereka mengikut peruntukan di bawah Seksyen 233 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

## SOALAN NO: 11

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Pengerang** bertarikh **15 November 2011** kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu usaha Kerajaan dalam menangani isu ketepatan / kesahihan fakta di laman sesawang.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa menjalankan pelbagai program untuk memperjelaskan dasar-dasar Kerajaan untuk mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul akibat maklumat salah yang diketengahkan oleh penulis-penulis blog. Program-program tersebut mengambil kira penggunaan media arus perdana dan media baru.

Kesemua jenis kandungan atas talian termasuk kandungan laman web di internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), termasuklah juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

Sepanjang bulan Januari hingga Ogos 2011, beberapa tindakan telah diambil terhadap laman sesawang dengan menyekat 940 laman sesawang, memberi notis amaran / nasihat kepada 60 pengendali atau pemilik blog dan melapor 75 aduan penyalahgunaan kepada moderator laman sesawang. Tindakan perundangan ini harus dianggap tuntutan asasi undang-undang dan bukan melibatkan takrif penapisan seperti yang biasa dianggap oleh sesetengah pihak.

## SOALAN NO: 12

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 9 NOVEMBER 2011

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah bentuk tindakan yang diambil terhadap syarikat yang menamatkan perkhidmatan pekerja dan pemimpin kesatuan mengikut undang-undang.

PR-1243-L46138

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut seksyen 12 Akta Kerja 1955, mana-mana pihak samada majikan atau pekerja boleh menamatkan perkhidmatan dengan pihak yang satu lagi dengan syarat hendaklah memberikan notis mengikut peruntukan akta, kontrak perkhidmatan atau

perjanjian bersama antara keduanya tanpa perlu menyatakan sebab penamatan tersebut.

2. Namun begitu, sekiranya terdapat pekerja atau pemimpin kesatuan yang tidak berpuashati diberhentikan kerja atas sebab kegiatan berkesatuan, mereka boleh mencabar penamatan tersebut dengan memfailkan kes di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk dipulihkan kepada pekerjaan asal.

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN  
PERTANYAAN RAKYAT LISA  
N

DARI PADA

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL  
GHAPUR  
BIN HAJI SALLEH  
(KALABAKAN)**

TARIKH

09.11.2011

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membekalkan sekurang-kurangnya 2 pasang pakaian seragam termasuk kasut dan juga alat tulis asas kepada murid-murid daif dan layak khususnya murid-murid luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin tentang isu pendidikan terutama kepada murid daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Bagi meringan beban golongan miskin, bantuan persekolahan (berbentuk kewangan dan peralatan persekolahan) disalurkan di bawah bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KWAPM yang telah diwujudkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, memberikan manfaat dalam membantu murid miskin meneruskan persekolahan. Bantuan ini diberikan kepada murid yang keluarganya berpendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional, tidak kira di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Bantuan KWAPM adalah berbentuk tunai untuk ibu bapa membeli keperluan persekolahan anak-anak seperti pakaian seragam, beg, kasut sekolah serta alat

tulis. Ia juga boleh diberikan dalam bentuk barangan, tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan di peringkat sekolah yang turut melibatkan wakil ibu bapa/penjaga dalam menentukan bentuk agihan yang bersesuaian. Bagi tahun 2011, seramai 7252 murid yang memenuhi kriteria pemberian KWAPM di kawasan Parlimen Kalabakan telah diberi bantuan. Jumlah bantuan tersebut sebanyak RM1,669,050.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran KWAPM bagi tahun 2011 dilaksanakan kepada murid yang layak dengan menggunakan senarai nama daripada Data Sedia Ada (DSA) di peringkat KPM (melalui permohonan individu) dan senarai nama Data e-KASIH yang disediakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Rjm 67  
PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI**  
**[ BAGAN SERAI - BEBAS ]**

TARIKH **9 NOVEMBER 2011 (RABU)**

#### **SOALAN NO. 14**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai - Bebas ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan**

- (a) sehingga hari ini berapa ramai yang telah terlibat dalam program SSEAYP (*The Ship for South East Asian*)

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
~~*Youth Program*~~ sejak 1974. Di manakah mereka ini;  
dan

- (b) apakah mereka masih aktif dalam KABESA (Kelab Alumni Kapal Belia Asia Tenggara/Jepun, Malaysia). Adakah KABESA penting kepada KBS.

**SULIT**

**JAWAPAN**

- (a) Program SSEAYP (*The Ship for South East Asian Youth Program*) telah dilaksanakan selama 37 tahun dan sehingga 2010, seramai 1,251 bekas peserta SSEAYP yang datang dari pelbagai latar belakang pendidikan telah direkodkan. Justeru itu, ada yang berkhidmat di sektor kerajaan dan swasta, bekerja sendiri dan juga menerajui pertubuhan.
- (b) Sebahagian daripada Alumni Kapal Belia Asia Tenggara/Jepun, Malaysia atau KABESA masih lagi aktif terlibat di dalam program anjuran Kementerian sebagai fasilitator dan sukarelawan untuk program-program antarabangsa. Di samping itu, ada di antara ahli KABESA yang berpotensi dan boleh diketengahkan sebagai Orang Berpengaruh (OBP) yang dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan belia di semua peringkat. Kementerian juga berpandangan bahawa semua pertubuhan/NGOs sama ada belia atau bukan belia adalah penting kepada kerajaan dan menyumbang kepada proses pembangunan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
DATUK SIRINGAN BIN GUBAT**



**[RANAU]**

**TARIKH BERSIDANG**

**09 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

**Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta MENTERI KESIHATAN**

menyatakan bilakah agaknya peruntukan dapat diperolehi untuk pembinaan Klinik Kesihatan di Nawanon, Ranau memandangkan tapak sudah tersedia. Bolehkah Menteri menyatakan juga status permohonan Klinik Kesihatan di Kampung Tudan 1 dan Kampung Keragasan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Cadangan pembinaan fasiliti kesihatan di Kg. Nawanon Timbus Ranau pernah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) iaitu sebuah Klinik Desa 4G. Projek ini kemudian ditukar kepada pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 6.

Pada 8 November 2006 wakil Jabatan kerja Raya, wakil Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah membuat lawatan tapak dan mengenalpasti tapak yang dicadangkan tidak sesuai.

Jabatan kesihatan Negeri Sabah telah diminta untuk mengenai pasti

tapak baru. Permohonan tanah bagi tapak Klinik Kesihatan Jenis 6 Nawanon telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan tetapi belum mendapat keputusan. Memandangkan status tanah belum selesai maka projek ini disenaraikan dalam senarai perolehan tanah di bawah RMK-10. Peruntukan untuk pembinaan KK Nawanon akan disediakan apabila perolehan tanah telah diselesaikan.

Bagi permohonan Klinik Kesihatan di Tudan 1, Kementerian mendapati tiada cadangan dibuat oleh Jabatan Kesihatan Negeri mahupun Pejabat Kesihatan Daerah Ranau.

Bagi cadangan pembinaan Klinik Kesihatan di Kg. Karagasan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah diminta untuk mengenai pasti tapak yang sesuai dan menyenaraikannya dalam senarai perolehan tanah di bawah RMK-10. Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengemukakan permohonan peruntukan bagi pelaksanaan projek ini setelah urusan pemerolehan tanah ini selesai.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DARIPADA

TUAN FONG KUI LUN

KAWASAN  
PERTANYAAN

BUKIT BINTANG

TARIKH

JL11.2011(RABU)

NO. SOALAN

Y.B. TUAN FONG KUI LUN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan butir lanjut cadangan penggabungan kereta nasional Proton dan Perodua ke arah memperkasakan industri kereta nasional bagi mendepani persaingan pasaran kenderaan luar negara.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan cadangan penggabungan PROTON dan PERODUA tidak lagi diteruskan. Keputusan ini diambil setelah mengambil kira beberapa faktor termasuklah maklum balas daripada pihak PROTON dan PERODUA.

Namun beg itu, bagi meningkatkan daya saing kedua-dua pengeluar kereta nasional tersebut, Kerajaan bersetuju supaya kedua-dua syarikat berkenaan bekerjasama dalam bidang-bidang strategik seperti pembangunan produk, perolehan bahan mentah darT

komponen, pembangunan vendor, pengeluaran, pengedaran dan jualan kenderaan serta perkhidmatan iepas jualan supaya lebih kompetitif.

Selain itu, Kerajaan pada masa ini sedang membangunkan pelan hala tuju peningkatan daya saing industri automotif tempatan, khususnya PROTON dan PERODUA bagi menghadapi cabaran liberalisasi pasaran serantau dan antarabangsa. MITI melalui *Malaysia Automotive Institute* (MAI) kini sedang menyelaras kerjasama strategik di antara PROTON dan PERODUA bagi memastikan industri automotif tempatan- menjadi lebih berdaya saing dan mampu untuk menembusi pasarari serantau dan antarabangsa.

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN  
PERTANYAAN RAKYAT

**DARI PADA** **LISA N**  
**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA**  
**JOSEPH**  
**PAIRIN KITINGAN**  
**(KENINGAU)**

**TARIKH** **09.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bangunan rumah guru di Sabah : -

- (a) jumlah bangunan yang didapati uzur dan tidak selamat didiami; dan
- (b) jumlah bangunan yang telah dibaiki dan yang akan dibaiki.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat ke atas kebajikan guru-guru dari pelbagai aspek, termasuklah menyediakan rumah guru yang selesa dan selamat untuk didiami di seluruh negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia, dalam Laporan Program Audit Fizikal KPM tumpuan diberikan kepada membaik pulih dan menaiktaraf bangunan yang mengalami kerosakan teruk dari segi struktur atau bukan struktur dan pendawaian. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan pada akhirtahun 2010, di dapati sebanyak 3,544 blok rumah guru mengalami kerosakan teruk dari

aspek fizikal, manakala 3,360 blok pula mengalami kerosakan teruk pada sistem pendawaian.

Ahii Yang Berhormat,

- (a) Kerosakan yang dikenal pasti adalah kerosakan fizikal bangunan dan kerosakan pendawaian yang teruk. Jumlah rumah guru yang **rosak dari segi fizikal adalah sebanyak 1,069 buah blok** dan **rosak pendawaian sebanyak 808 buah blok**. KPM kini sedang membaik pulih bangunan yang rosak teruk ini supaya selamat didiami.
- (b) Sehingga November 2011, sebanyak 23 buah sekolah di Sabah telah siap dibaikpulih dan selamat didiami. Manakala 86 buah sekolah lagi masih dalam proses baik pulih.

Kerajaan juga sedang membina **662 buah rumah guru baharu di seluruh negara** bagi memenuhi keperluan semasa. Sebagai contoh di negeri Sabah sahaja, daripada 292 buah rumah guru baharu yang dibina, 222 buah telah siap untuk didiami.

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN  
RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN

DARI PADA **Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE  
NIK (SIK)**

TARIKH **09.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah penempatan guru-guru baru lepasan Maktab Perguruan KPLI dan PPC luar negara yang telah pun tamat kursus mereka sejak Julai lalu bila hendak dilakukan memandangkan Kerajaan telah banyak berbelanja untuk program ini. Mengapa mereka ini dibiarkan begitu lama menganggur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membuat penempatan guru-guru Lepas Maktab Perguruan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) melalui perancangan yang teliti berdasarkan keperluan guru mengikut bidang dan jenis sekolah di setiap negeri.

Sehubungan itu, penempatan semua guru Program Pelajar Cemerlang (PPC) telah dilaksanakan pada 3 Oktober 2011, manakala guru-guru Lepas Maktab Perguruan KPLI pada 20 Oktober 2011 berdasarkan perjawatan sedia ada.

DARI PAD A DATO<sup>1</sup> SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
TARIKH HOrAUP-tr [LE  
RUJUKAN NG  
GO  
NG  
] ]  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT 9

NOVEMBER 2011

PERTANYAAN : LISAN 4164

SOALAN:

Dato\* Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan

(a) tindakan susulan selepas pendaftaran pekerja asing  
dilakukan; dan

(b) setelah pendaftaran dibuat, berikan statistik jumlah  
pekerja asing di negara ini mengikut negara, jantina dan  
sektor pekerjaan dan kesan negatif atau positif dari aspek  
keselamatan kepada negara.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing Tanpa Izin atau Program 6P yang terdiri daripada Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Proses Pendaftaran PATI iaitu fasa pertama dalam Program 6P telah dilaksanakan pada 1 hingga 31 Ogos tahun ini di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah. Sehingga tamat tarikh Proses Pendaftaran Program 6P pada 31 Ogos lalu, seramai **2,320,034** orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Fasa kedua Program 6P adalah Program Pemutihan yang telah bermula pada 10 Oktober 2011 untuk meregularisasi pekerja asing yang tidak sah dan pengagihan pekerja ke sektor yang memerlukan.

(b) Warganegara Indonesia merupakan jumlah yang terbesar pekerja asing sah dan PATI yang berada di negara ini dengan jumlah seramai 1,045,921. Pecahan adalah 405,312 bagi pekerja asing

sah dan 640,609 bagi PATI. Warganegara Bangladesh adalah golongan kedua terbesar dengan jumlah 400,700 orang iaitu 132,897 bagi pekerja asing yang sah dan 267,803 bagi PATI. Ini diikuti dengan negara Myanmar (257,583), Nepal (255,054) dan India (107,427). Dari segi jantina, jumlah lelaki adalah 977,140 atau 75 peratus. Sektor pekerja asing sah yang paling tinggi ialah di sektor perkilangan/pembuatan iaitu 49.3% daripada keseluruhan pekerja yang ada. Ini diikuti dengan sektor perladangan (16.1%), pembinaan (14.4%), perkhidmatan (11.4%) dan pertanian (6.5%). Secara keseluruhannya, sektor pembinaan mempunyai paling ramai PATI manakala, seramai 327,991 atau 25% tidak termasuk di dalam mana-mana kategori/sektor utama pekerjaan di Malaysia.

Antara impak positif pelaksanaan Program 6P adalah seperti berikut:

- Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;
- Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- iii. Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- iv. Memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor-sektor

ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru;

- v. Menangani isu ketirisan dalam pengutipan levi pekerja asing . dan sekali gus meningkatkan hasil pendapatan negara.

Kerajaan sentiasa melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di dalam negara.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**

**[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH 9 NOVEMBER 2011**

#### **SOALAN**

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butir-butir dasar baru/ kriteria biasiswa JPA mulai tahun 2012.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

## NO.SOALAN : 20

Kajian semula dasar penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mulai tahun 2012 sedang dijalankan berikutan aduan dan rungutan berhubung pengagihan biasiswa JPA kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian di luar negara.

Kajian semula dasar penajaan JPA mulai tahun 2012 akan mengambil kira semua aspek termasuk kecemerlangan akademik, latar belakang sosio ekonomi keluarga, *socially disadvantaged* (bagi memberi peluang kepada pelajar luar bandar) dan lain-lain kriteria yang bersesuaian dalam memastikan penganugerahan biasiswa dilaksanakan secara adil dan telus tertakluk kepada keperluan Kerajaan dan negara. Dasar baru ini juga akan mengambil kira hasrat Kerajaan untuk memartabatkan IPT dalam negara di samping memastikan kedudukan universiti tempatan yang tersenarai dalam senarai universiti terbaik dunia berada pada tahap yang lebih baik. Selain itu, fokus penajaan JPA juga akan mengambil kira penajaan pelajar pra universiti yang cemerlang dan mendapat tempat di universiti terkemuka dunia.

Sekian, terima kasih.

(vJQ.^/VLANJ : 2.1

**NO. AUP-T**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**DARIPADA**

**9 NOVEMBER 2011**

**TARIKH**

**4165**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah semakan *Entry Permit Application Status (SSPPM)* yang selalu menimbulkan kekeliruan kepada pemohon berhubung dengan status permohonan.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Semakan Permohonan Permit Masuk dibangunkan bagi membolehkan pemohon permit masuk membuat semakan keputusan secara atas talian dan ianya telah mula beroperasi pada bulan Januari, 2010. Melalui sistem ini, pemohon hanya perlu memasukkan nombor rujukan permohonan dan status permohonan akan dipaparkan, sama ada masih dalam proses ataupun telah ada keputusan. Sekiranya sistem memaparkan permohonan itu “Berjaya”, pemohon boleh hadir ke Pejabat Imigresen Negeri yang berdekatan di mana permohonan dibuat bagi proses bayaran dan mendapatkan Sijil Permit Masuk.

Kementerian, khususnya Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memperkenalkan sistem ini bertujuan memberi kemudahan kepada pemohon-pemohon permit masuk untuk mendapatkan status permohonan mereka tanpa perlu hadir di kaunter-kaunter Imigresen. Pemohon akan sentiasa berpeluang mengikuti perkembangan status permohonan mereka dari masa ke semasa dengan mudah dan pantas. Adalah diharapkan sistem semakan secara *online* ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pemohon kerana ianya bukan sahaja mudah dan pantas, malah dapat membantu mengurangkan

kos perjalanan serta menjimatkan masa pemohon kerana tidak perlu hadir ke Pejabat Imigresen bagi menyemak status semasa permohonan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada peringkat awal pelaksanaan sistem ini, Jabatan Imigresen Malaysia ada menerima maklumbalas dari pemohon / orang awam mengenai sistem ini yang tidak memberi keputusan yang tepat dan tidak memaparkan maklumat sebenar status permohonan. Sehubungan dengan itu, mulai Oktober 2010, Jabatan Imigresen Malaysia telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap Sistem Semakan Permohonan Permit Masuk ini dan kini sistem memaparkan maklumat terkini dan tepat mengenai status permohonan Permit Masuk.

Me? - «;oALA(vJ  
• :i2' N0rAUM-m5

**NO. AUP~T**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]

**TARIKH** 9 NOVEMBER 2011

RUJUKAN

4168

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan tahanan di bawah Ordinan Darurat (EO) di Kern Tahanan Simpang Rengam mengikut sebab tahanan dan keturunan.





## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gopeng yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga *19 September 2011*, seramai 654 orang telah ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Rengam, Johor di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 untuk menjalani pemulihan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 117 orang ditahan kerana terlibat dalam gangsterism, pergaduhan dan ugut, 457 orang terlibat dalam kes samun, pecah rumah dan mencuri, 75 orang kes ragut, 2 orang kerana terlibat dalam aktiviti pelacuran dan 3 orang kerana kes culik.

Tuan Yang Dipertua,

Manakala bagi pecahan mengikut keturunan, seramai 235 orang keturunan Melayu, 235 orang keturunan India, 92 orang keturunan Cina, 48 lain-lain keturunan dan 44 warganegara asing sedang menjalani Perintah Tahanan di Pusat Pemulihan tersebut.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN NO: 23**

**PERTANYAAN**                      **JAWAB LISAN**  
**DARI PAD A**                      **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTTALIB [MARAN]**  
**TARIKH**                              **9 NOVEMBER 2011 (RABU)**  
**SOALAN**                              **Dato' Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran] minta**

**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan apakah strategi dan bentuk bantuan kepada petani dalam usaha memasarkan buah - buahan tempatan terutama buah - buahan yang dianggap buah tradisional seperti nangka madu yang masih mendapat permintaan tinggi dari dalam dan luar negara serta berapakah kadar kebergantungan kepada buah - buahan import ini dapat diturunkan.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**

**TANI Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa mengambil langkah untuk membantu petani dalam memasarkan buah - buahan tempatan terutamanya buah tradisional seperti nangka madu yang mendapat permintaan tinggi dari dalam dan luar negara. Antara strategi yang diambil adalah:

- i) Jualan terus melalui 458 Pasar Tani di seluruh negara yang melibatkan seramai 21,026 orang peserta;
- ii) Jualan terus melalui 447 Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) di seluruh negara;
- iii) Membeli produk keluaran usahawan tani secara langsung atau memadankan dengan pembeli swasta lain melalui perjanjian hadapan (*forward agreement*) yang dibuat antara petani dengan FAMA yang dikenali sebagai Kontrak Ladang;

- iv) Jualan terus melalui 95 Agrobazar Kedai Rakyat yang diuruskan oleh usahawan-usahawan;
- v) Peraih motosikal tiga roda membeli hasil pertanian daripada petani kecil di kampung dan memasarkan produk tersebut ke *outlet-outlet* runcit termasuk Agrobazaar Kedai Rakyat dan Pasar Tani;
- vi) Meneroka pasaran eksport melalui penghantaran sampel dan hantaran percubaan ke luar negara menggunakan teknologi yang dikeluarkan oleh MARDI seperti nangka diproses minima ke Singapura, United Arab Emirates, Belanda dan yang terkini ke Australia dan China. Kini pengeksport swasta telah mengeksport nangka diproses minima ke Singapura, Dubai dan Belanda secara berterusan;
- vii) Menggandakan usaha promosi bagi meningkatkan penerimaan pengguna luar melalui program persampelan dan 'promosi in-store' di pasaraya luar negara;
- viii) Membina dua buah kilang di Pahang (Maran dan Temerloh) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (PPK) bagi tujuan memproses buah nangka untuk dijadikan produk proses seperti chips, jem, halwa, kordial dan juga untuk diproses minima. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan pasaran buah nangka khususnya bagi pasaran dalam an luar negara melalui mempelbagaian produk; dan
- ix) Memajukan teknologi pemprosesan buah-buahan dalam bentuk sedia untuk dimakan (*minimally processed for ready-to-eat fruits*) seperti untuk buah nangka dan nanas bagi pasaran eksport (EU, Timur Tengah, Hong Kong, PR China dan Australia) dan dalam negara.

Malaysia masih bergantung kepada buah-buahan import bagi menampung keperluan tempatan. Walau bagaimanapun melalui usaha-usaha dan program-program yang telah dilaksanakan, kebergantungan kepada buah-buahan import telah dapat dikurangkan di mana pertambahan nilai import tahunan buah-buahan tersebut telah berkurangan daripada 24.94% dalam tahun 2008, turun kepada 12.24% dalam tahun 2009 dan seterusnya turun kepada 12.03% dalam tahun

2010.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN AZAN BIN ISMAIL  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH 9 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**TUAN AZAN BIN ISMAIL** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menilai semula kedudukan penggunaan dakwat kekal serta sistem biometrik untuk memastikan perjalanan sistem pilihan raya ke-13 bersih dan mendapat kepercayaan umum.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah sedia ada yang diamalkan pada masa ini masih lagi relevan dan selamat serta menjamin ketelusan proses pengundian yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, SPR telah memaklumkan bahawa ianya sedang di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya.

Namun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai pandangan dan

## **SOALAN NO.24**

cadanaan berhubung denaan penambahbaikan proses pilihan rava yang sedia ada. maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadanaan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Rava untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 9 NOVEMBER 2011 ( RABU )

DARIPADA Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL  
[LABUAN]

**SOALAN**

**Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [ LABUAN ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa buah unit rumah kos rendah dan Rumah Mesra Rakyat yang telah diluluskan untuk Kawasan Parlimen Labuan dalam RMK-10.

**JAWAPAN**

**SOALAN (25 )**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini belum ada projek perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kawasan Parlimen Labuan. Kerajaan akan menimbang pembangunan projek PPR sekiranya terdapat permintaan untuk mengatasi masalah penempatan semula setinggan dan golongan berpendapatan rendah.

Pembinaan rumah-rumah di bawah program Rumah Mesra Rakyat adalah di bawah tanggungjawab Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Sehingga kini SPNB telah meluluskan sebanyak 62 unit Rumah Mesra Rakyat dengan kos sebanyak RM4.1 juta. Setakat ini, sebanyak 30 unit telah diserahkan kunci manakala baki sebanyak 32 unit telah menarik diri kerana enggan tanah mereka digadaikan kepada SPNB.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2011

**SOALAN NO. 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**  
**[SUBANG]**

**TARIKH 9 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan unjuran pendapatan tahunan, kos penyelenggaraan, penambangan (ridership) dan harga tambang MRT dari tahun 2016 hingga 2020 dan juga menyatakan kenapa permintaan puluhan ribu penduduk untuk MRT dibina di bawah tanah di kawasan Kota Damansara, Bandar Utama, Taman TTDI, Seksyen 16, 17 PJ tidak dipedulikan.

**SOALAN**

**N0.1r6 JAWAPAN:YBDATUKHAJIAHMADBINHAJIMASLAN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN**  
**PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,



## SOALAN NO. >6

Adalah terlalu awal untuk membuat unjuran pendapatan ataupun kos penyelenggaraan sistem MY Rapid Transit (MRT) Jajaran Sungai Buloh-Kajang pada masa ini. Harga tambang bagi MRT masih belum ditetapkan tetapi pihak Kerajaan akan memastikan harga tambang akan berpatutan supaya semua lapisan rakyat akan dapat menikmati kemudahan pengangkutan MRT tersebut. Dijangka sebanyak 400,000 orang akan menggunakan MRT Sungai Buloh-Kajang setiap hari.

Jajaran muktamad di kawasan Kota Damansara, Bandar Utama, TTDI, Seksyen 17 dan Seksyen 16 di Petaling Jaya adalah jajaran yang dinaikkan (elevated alignment) yang kebanyakannya akan dibina di atas rezab jalan dan tanah kerajaan. Pihak kerajaan memutuskan bahawa jajaran bawah tanah tidak dibina di kawasan-kawasan ini kerana kos pembinaan akan menjadi terlalu tinggi.

Pihak pemilik projek Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd berjanji akan mengambil langkah-langkah penyelesaian yang berkesan dan secukupnya semasa pelaksanaan projek ini bagi mengatasi masalah yang dikhuatiri penduduk. Antara langkah- langkah yang dicadangkan termasuk pemasangan penghadang hingar (sound barriers) di kawasan-kawasan yang dikenalpasti berdasarkan garis panduan

Jabatan Alam Sekitar, dan mengadakan rekabentuk struktur landasan yang lebih kemas dan tersusun termasuk mengambilkira kerja-kerja pengindahan yang sesuai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED  
JAAFAR ALBAR [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH 9 NOVEMBER 2011**

**RUJUKAN 4169**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah program pendaftaran semula PATI yang diadakan baru-baru ini dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing dalam sektor utama ekonomi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Tinggi di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan pendaftaran PATI (Fasa Pendaftaran) adalah untuk mendapatkan rekod jumlah PATI yang berada dinegara ini melalui pengambilan biometrik. Melalui program 6P ini peluang diberikan kepada PATI yang ingin pulang semula ke negara masing-masing secara sukarela.

Oleh itu isu mengenai kebergantungan kepada pekerja asing tidak timbul kerana sebelum PATI yang berdaftar semasa Program 6P diputihkan majikan-majikan dikehendaki untuk membuat tawaran/pengiklanan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu. Ini merupakan antara syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia. Sekiranya kekosongan jawatan tidak diisi oleh rakyat tempatan, baru ianya ditawarkan kepada PATI. Walaubagaimanapun kerajaan sedia maklum bahawa tenaga kerja masih diperlukan untuk beberapa sektor yang masih memerlukan berdasarkan keperluan tenaga kerja yang diunjurkan oleh kementerian-kementerian berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sepanjang tempoh Program 6P ini dijalankan Pusat Kelulusan Setempat, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing Kementerian Dalam Negeri tidak akan memberikan sebarang kelulusan baru bagi pengambilan pekerja asing kecuali kelulusan berkenaan telah diberikan sebelum Program 6P ini dijalankan.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

#### **RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

**[JELUTONG]**

**TARIKH**

**9 NOVEMBER 2011**

#### **SOALAN**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada semua Suruhanjaya yang ditubuhkan menerusi kelulusan Akta-akta Parlimen seperti SPR, SPRM, SKMM, SPAN, SPAD, SUHAKAM, SSM, Suruhanjaya Tenaga Negara dan sebagainya dikeluarkan daripada bidang kuasa Kementerian (cabang eksekutif) dan

**NO.SOALAN : 20**

sebaliknya diletakkan di bawah bidang kuasa Parlimen (Legislatif).



**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila sesuatu Suruhanjaya ditubuhkan, ia akan bertindak sebagai badan pelaksana terhadap sesuatu bidang yang diserahkan kepadanya. Oleh yang demikian, tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan dalam Akta penubuhan Suruhanjaya tersebut, pelaksanaan dan pemantauan fungsi Suruhanjaya itu adalah terletak di bawah Kementerian yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN  
OTHMAN (HULU TERENGGANU)**

**TARIKH**

**09.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru di seluruh negara yang belum memiliki Ijazah Pertama. Apakah Kerajaan bercadang memastikan semua guru- guru di sekolah Kerajaan memiliki ijazah dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai matlamat tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Dasar Pensiswazahan Guru seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perancangan Pendidikan KPM pada 23 Februari 2010 telah menetapkan bahawa 50% guru di sekolah rendah dan 100% guru di sekolah menengah adalah guru siswazah menjelang tahun 2010.

Di bawah RMKe-10 pula, sasaran yang telah ditetapkan ialah bilangan guru berijazah di sekolah menengah akan ditingkatkan daripada 89.4% dalam tahun 2009 kepada **90%** menjelang tahun 2015. Manakala bagi sekolah rendah, kadar ini ditingkatkan daripada 28% dalam tahun 2009 kepada **60%** menjelang tahun 2015.

Sehingga 30 Jun 2011, seramai **247,649 (62%)** guru telah memiliki sekurang-kurangnya kelulusan akademik pada peringkat ijazah pertama. Pecahan guru berijazah di sekolah rendah ialah seramai 85,541 guru (38%) dan menengah 162,108 guru (**93%**). Ini menunjukkan peratus guru berijazah di sekolah menengah telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan di bawah RMKe-10.

Walau bagaimanapun, bagi guru bukan siswazah di sekolah rendah, kerajaan telah merangka pelbagai peluang untuk mengikuti program-program pensiswazahan agar matlamat dasar pensiswazahan sebanyak 60% di sekolah rendah dapat dicapai.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2006 hingga 2009, seramai **31,835 guru** telah mengikuti pelbagai program pensiswazahan yang dilaksanakan dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan seperti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR) yang melibatkan seramai **3,684 guru** dan Program Pensiswazahan Kerjasama KPM dengan *Open University Malaysia* (OUM) melibatkan seramai **25,489 guru**. Selain daripada itu, kerajaan juga memperuntukkan kemudahan cuti bagi tujuan menghadiri kuliah dan peperiksaan bagi Program Pendidikan Jarak Jauh yang melibatkan **2,692 guru**.

Bagi memperhebatkan lagi usaha kerajaan untuk menghasilkan guru siswazah bagi mencapai matlamat kerajaan untuk meningkatkan kualiti guru, maka Program Pensiswazahan Guru (PPG) telah dilancarkan di bawah RMKe-10. Bagi ambilan 2011, seramai **31,182 guru** telah ditawarkan dan sedang mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta di seluruh negara. KPM telah mensasarkan seramai **46,362 guru** lagi akan

Soalan No : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
ditawarkan melalui BAJAU PPG bagi ambilan 2012.

PERTANYAAN



Kerajaan berkeyakinan bahawa segala usaha yang telah direncana dan dilaksanakan melalui dasar pensiswazahan guru ini akan dapat merealisasikan matlamat kerajaan dalam meningkatkan kualiti guru bagi pembangunan modal insan di samping melestarikan sistem pendidikan negara yang berkualiti.

Rjm 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI P ADA**

**TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)**

**TARIKH**

**9 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta MENTERI PENERANGAN,  
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN**

- a) jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk kedua Bandaraya Warisan Dunia Melaka dan George Town dan adakah jumlah peruntukan ini sudah diberi kepada kedua bandaraya; dan
- b) apakah rasional Khazanah Nasional dan Kementerian Kewangan terlibat dalam projek konservasi untuk George Town sahaja.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sebagai makluman, peruntukan yang telah diluluskan untuk kedua-dua Bandaraya Melaka dan George Town adalah sebanyak RM50 juta melalui peruntukan Bajet tahun 2009.



## SOALAN NO: 30

Peruntukan untuk Bandar Warisan Dunia Melaka, ianya telah disalurkan melalui melalui Kumpulan Wang Warisan yang mana pihak Jabatan Warisan Negara menjadi pemantau dalam pelaksanaan projek dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Melaka.

Bagi Bandar Warisan Dunia George Town, ianya telah disalurkan melalui Khazanah Nasional.

- b) Penglibatan Khazanah Nasional dalam projek konservasi untuk George Town sahaja adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.



vjo -soArtAf0 ■. I\

**NO-AUM : 40**

**NO-AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN : LISA  
N**  
**DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [**  
**SEKIJANG ]**  
**TARIKH 9 NOVEMBER 2011**  
**RUJUKAN 4170**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian akan terus  
membina Muzium Polis Bukit Kepong memandangkan ada pihak  
yang buta sejarah dan cuba menyelewengkan fakta.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Cadangan Pembinaan Galeri Muzium Polis Bukit Kepong telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguhkan disebabkan tapak cadangan terdedah kepada bencana banjir yang berlaku pada tahun 2007.

PDRM telah memohon peruntukan sebanyak RM25 juta dalam RMK-10 (*Rolling Plan* ke-2) bagi tujuan pembinaan Galeri Muzium PDRM dan Memorial yang melibatkan rekabentuk dalaman, kerja - kerja luar serta kerja keselamatan tebing sungai Muar.

Jika dilaksanakan kelak, galeri ini akan dilengkapi dengan maklumat-maklumat ilmiah dengan gaya persembahan yang interaktif bagi menarik minat golongan muda untuk mengetahui sejarah perjuangan anggota keselamatan dalam menentang anasir komunis. Dengan adanya galeri ini, maka generasi muda akan dapat memahami fakta sebenar tentang sejarah negara.

**NO. SOALAN: 32**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN**  
**KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011) \_\_\_\_\_**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A            Y.B. PUANHAJAH            FUZIAH BINTI SALLEH**  
**[KUANTAN]**

**TARIKH                    9 NOVEMBER 2011[RABU]**

**SOALAN                    32**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan ke mana perginya wang kutipan zakat Malaysia berjumlah hampir RM1.2 bilion sedangkan jumlah warga Malaysia yang mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada RM2000 ialah 2,012,185 bagi tahun 201 OS

**JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Saya percaya Kerajaan Negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari masa ke semasa mengikut kemampuan masing-

masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat. Maklumat mengenainya bolehlah merujuk kepada Majlis Agama Islam masing-masing.

Dalam melaksanakan agihan zakat, terdapat dua kaedah utama yang diamalkan oleh MAIN dan agensi zakatnya bagi menyalurkan bantuan dana zakat kepada golongan asnaf. **Kaedah pertama** adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan **kedua** melalui pendekatan 'turunpadang' di mana pegawai pengurusan zakat mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Melalui pendekatan tersebut, MAIN menyediakan senarai pemohon dan penerima bantuan zakat melalui bancian, siasatan dan kajian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pegawainya dengan kerjasama erat amil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, JKKK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Tindakan bersepadu ini juga dapat memastikan bakal-bakal penerima zakat dapat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan negeri masing-masing bagi memastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada **syarat kelayakan** dan **had kifayah** yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

Berdasarkan lapan asnaf itu, pelbagai skim bantuan ditawarkan dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan

kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah dan lain-lain. Dengan agihan dan skim-skim bantuan zakat seumpama inilah yang akan dapat membantu kepinggiran.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan Umpamanya skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 27 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah sepertimana yang disebutkan itu.<sup>1</sup>

Program-program skim bantuan ini membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa. Seterusnya mereka akan keluar pula sebagai pembayar zakat. Inilah bentuk "pelaburan wang zakat" yang dikendalikan oleh MAIWP, Lembaga Zakat Selangor dan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri yang lain agar dapat memberi faedah jangkamasa panjang kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.11.2011**

**Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) mengapa pada tahun 2003, MAS yang berada di bawah Tan Sri Md Nor Md Yusof, yang pada masa itu merupakan Pengarah Urusan MAS dan juga arkitek bagi Widespread Asset Un-bundling aka "WAU" telah menjual 70% saham daripada bahagian di dalam MAS Catering Sdn Bhd, sebuah syarikat MAS yang 'profitable' dengan purata perolehan tahunan sebanyak RM300 - RM400 juta dan keuntungan bersih sebanyak RM50 juta atau lebih setiap tahun, kepada sebuah syarikat dan serentak dengan itu MAS memasuki suatu perjanjian yang dianggap berat sebelah terhadap MAS di mana MAS terpaksa membeli semua makanan dan minuman serta lain-lain perkhidmatan kabin dengan keuntungan jaminan daripada syarikat tersebut selama 25 tahun; dan

(b) nama syarikat itu dan juga harga jualan serta butir-butir penuh perjanjian selama 25 tahun tersebut dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Khazanah untuk memecahkan perjanjian yang tidak adil ini yang boleh menjejaskan pertumbuhan MAS dan/atau untuk meringankan beban kewangan MAS.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 30 Julai 2002 Malaysian Airline System Bhd (MAS) telah melupuskan 70% pegangan dalam MAS Catering Sdn Bhd (MCSB) kepada Konsortium Gubahan Saujana Sdn Bhd pada harga jualan sebanyak RM175 juta, berdasarkan kajian menyeluruh (due diligence) dan nilai pasaran yang adil (fair market value).

Pelupusan ini merupakan sebahagian daripada strategi penyusunan semula

kewangan bagi membolehkan MAS memberi tumpuan kepada aktiviti terasnya iaitu dalam penyediaan perkhidmatan penerbangan domestik dan antarabangsa serta perkhidmatan kargo. Selain itu, pelupusan ini juga membolehkan MAS memperoleh dana yang sangat diperlukan pada ketika itu di samping mengekalkan 30% pegangan dalam MCSB untuk memelihara kepentingannya.

Susulan pelupusan saham berkenaan, MAS dan MCSB telah menandatangani *Catering Agreement* pada 25 September 2003. Perjanjian untuk tempoh 25 tahun berkenaan merupakan satu perkongsian perniagaan strategik jangka panjang di antara syarikat penerbangan dan pembekal/penyaji makanan dan wajar diteruskan bagi memastikan tahap kualiti makanan yang disediakan oleh MAS sentiasa terjamin dan memuaskan penumpangnya. *Catering Agreement* ini boleh ditamatkan dengan syarat, pihak yang ingin menamatkan perjanjian perlu membeli saham pihak yang bertentangan (Buy Back Event).

[21] PR-1243-L46794

**PEMBERITAHUAN BAGI PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**SOALAN**

**JAWAB LISAN**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd**

**Yusoff 9 November 2011**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik  
Pulau ] minta MENTERI LUAR NEGERI**

menyatakan jumlah pegawai-pegawai di  
Kementerian yang berkelulusan PhD dan  
program-program lanjutan berkaitan hubungan  
antarabangsa yang ditawarkan untuk pegawai-  
pegawai tersebut selain yang disediakan oleh  
IDFR.



Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kementerian Luar Negeri mempunyai seramai **lima (5)** orang pegawai yang telah memperolehi kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Jumlah tersebut **tidak termasuk tiga (3) pegawai yang sedang** mengikuti kursus Ijazah Kedoktoran pada tahun ini **dan seorang (1) pegawai yang akan** mengikuti pengajian kedoktoran pada tahun hadapan. Kebanyakan bidang yang diceburi adalah berkaitan dengan hubungan antarabangsa.

3. Selain dari itu, terdapat seramai **lapan puluh empat (84) pegawai** Kementerian ini yang **mempunyai ijazah Sarjana (Masters)**. Seramai **empat (4) orang sedang mengikuti program sarjana** dan **dua (2) pegawai telah ditawarkan** untuk melanjutkan pelajaran di bidang tersebut pada tahun hadapan. Mereka mengikuti program lanjutan di universiti tempatan serta universiti-universiti yang terkemuka di luar negara seperti London School of Economics, University of Kent, University of Edinburgh, Georgetown University dan University of Harvard. Kementerian sentiasa memberi peluang untuk pegawai-pegawai yang mempunyai ijazah Sarjana ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD.

**JAWAPAN:**

4. Kementerian ini akan terus menggalakkan penjawat-penjawat awam di Kementerian ini untuk melanjutkan pembelajaran ke tahap-tahap yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN:**

**SOALAN NO :**

**35 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**9 NOVEMBER 2011**

**TARIKH**

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]**

**DARIPADA**

**SOALAN**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA  
MENTERI**

menyatakan apakah jumlah kos renovasi kediaman rasmi Perdana Menteri sejak YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dan apakah kos penyelenggaraan tahunan kediaman rasmi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, bahawa Kompleks Seri Perdana bukanlah milik peribadi YAB Perdana Menteri. Ia adalah milik Kerajaan dan disediakan untuk kegunaan rasmi Perdana Menteri Malaysia sebagai sebuah institusi. Kompleks Seri Perdana dengan keluasan 42.5 ekar bukan sahaja merupakan kediaman rasmi YAB Perdana Menteri tetapi juga digunakan sebagai tempat menyambut serta mengadakan majlis-majlis meraikan Ketua-ketua Negara, Ketua-ketua Kerajaan, Pembesar-pembesar negeri dan orang ramai. Ia meliputi Blok Protokol, Blok Bankuet, Blok Kediaman dan Perumahan Penjawat Awam untuk kakitangan sokongan yang bertugas di Kompleks Seri Perdana. Sejak ia siap dibina, tiga orang Perdana Menteri termasuk Perdana Menteri sekarang telah pun menggunakan Kompleks Seri Perdana sebagai Kediaman Rasmi.

Sebagai salah satu simbol institusi Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia yang progresif serta maju, maka sewajarnya Kompleks Seri

**JAWAPAN:**

Perdana dipastikan berada di dalam keadaan terbaik demi menjaga martabat serta imej negara. Untuk tujuan itu, peruntukan yang bersesuaian adalah diperlukan agar peranan Kompleks Seri Perdana sebagaimana yang dinyatakan di atas dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Setakat ini perbelanjaan bagi kerja-kerja menaik taraf dan pengubahsuaian bangunan Kompleks Seri Perdana dan kos penyelenggaraan tahunannya adalah terkawal dan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad  
( Kuala Selangor )**

**TARIKH 9 November 2011 ( Rabu )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**36**

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad ( Kuala Selangor )** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah unit pertama bakal diterima pada dalam bulan September ini dari perolehan sejumlah 38 unit EMU-6 koc dari China South Locomotive, sementara siasatan dakwaan '*irregularity*' harga berjumlah RM500 juta oleh pihak SPRM masih terus berjalan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan masih melaksanakan proses perolehan dan penerimaan 38 set tren EMU 6 gerabak (SCS) daripada *Zhuzhou Electric Locomotive Company* (ZELC), China seperti biasa berdasarkan

keperluan perjanjian kontrak perolehan 38 set tren EMU 6 gerabak (SCS) berkenaan yang telah ditandatangani antara pihak Kerajaan dan ZELC, China.

Selain daripada itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai pihak yang membuat siasatan tidak mendapati wujudnya kekeliruan dalam prosedur perolehan berkenaan sebagaimana yang didakwa yang boleh menyebabkan projek dihentikan.





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH**

**9 NOVEMBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kesihatan beliau dan Timbalan Perdana Menteri serta kos rawatan di dalam dan luar negara yang telah dibelanjakan untuk penjagaan kesihatan kedua-duanya sejak 2008 sehingga sekarang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Status kesihatan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri adalah baik dan kedua-duanya telah berjaya menjalankan tugas yang diamanahkan dengan cekap dan membanggakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri layak diberi kemudahan rawatan dan perubatan secara percuma, dikecualikan daripada bayaran wad di hospital-hospital serta klinik Kerajaan dan sekiranya rawatan dan perubatan tidak dapat dibekalkan atau disediakan oleh hospital Kerajaan, perbelanjaan tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan atas perakuan pegawai perubatan Kerajaan.

Jika diperlukan, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri juga layak mendapat kemudahan rawatan khas di luar Malaysia

dengan perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod, selain kelayakan kemudahan perubatan secara percuma di hospital-hospital serta klinik Kerajaan, tiada sebarang tuntutan dibuat oleh YAB Perdana Menteri kepada Kerajaan bagi membiayai kos perkhidmatan kesihatan beliau dan ahli keluarga yang layak sama ada di dalam mahupun di luar negara. Manakala hanya RM21,700.10 sahaja yang dituntut oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi sejak 2008 sehingga sekarang bagi rawatan yang diterima di Pantai Hospital Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

SOAMN NO.s3S

**PEMBERITAH UAH PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>i</b>	<b>LISAN</b>	
<b>DARIPADA</b>	<b>I</b>	<b>Y.B. TUAN MUHAMMAD BID I HUSAIN</b>	
<b>KAWASAN</b>	<b>:</b>	<b>PASIR PUTEH</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>9 NOVEMBER 2011</b>	<b>(RABU)</b>

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH ] minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakalt Kerajaan bercadang  
nieoaik taraf jalan dan Jambatan bagi laSuan utama faiahan Pa:? r  
Puteh antara sempadan Kelantan - Terengganu d! Buklt Yong hingga ke  
sempadan Pasir Putih - Bachok di Kampungjerus.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan sememangnya komited dan memberikan keutamaan yang tinggi bagi membina dan menaik taraf rangkaian jalan raya di negeri-negeri pantai Timur, Semenanjung Malaysia termasuk Jalan Persekutuan dari Pasir Puteh (Kampung Jerus) ke sempadan Kelantan – Terengganu (Bukit Yong) yang merupakan sebahagian daripada Jalan Persekutuan FT003 dari Kota Bharu ke Pasir Puteh dan berakhir di Kuala Terengganu sepanjang 169 kilometer. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Persekutuan ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Kerajaan berikutan kos projek yang sangat tinggi.

Hasil daripada kajian awal pihak Kementerian Kerja Raya mendapati jalan ini sering mengalami kesesakan akibat daripada peningkatan jumlah kenderaan khususnya semasa musim perayaan dan cuti sekolah. Banci lalulintas pada tahun 2010 telah mencatatkan jumlah kenderaan sebanyak 19,240 kenderaan pada setiap hari dan diklasifikasikan sebagai *Level of Service (LOS) E* iaitu jalan sesak ketika waktu puncak.

**Sehubungan itu, cadangan projek ini telah dikenalpasi: antara profek berkeutamaan tinggi dan pihak Kementerian akan t eru&aaha**

berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]**

**TARIKH**

**9 November 2011(Rabu)**

**SOALAN**

**39**

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah asas bagi kenaikan bayaran perkhidmatan penumpang antarabangsa oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebanyak 28 peratus yang boleh menjejaskan usaha Kerajaan meningkatkan bilangan penumpang, terutama apabila MAHB sudah pun mencatat pertumbuhan 12.6 peratus dalam jumlah penumpang untuk separuh tahun pertamanya pada Julai lalu dengan lebih 31.2 juta penumpang.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rembau, bayaran perkhidmatan penumpang antarabangsa yang dikutip oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) adalah digunakan untuk membiayai kos pengendalian dan penyelenggaraan semua lapangan terbang termasuk juga *STOL ports* di Malaysia. Kos pengendalian dan penyelenggaraan lapangan - lapangan terbang negara telah kian meningkat akibat daripada peningkatan kos kontrak penyelenggaraan, kos sumber tenaga manusia, harga komoditi (contoh: minyak mentah) dan kos penyelenggaraan bagi peralatan lama. Dalam pada itu, penambahan penumpang juga akan meningkatkan kos pengendalian dan penyelenggaraan lapangan - lapangan terbang negara. Ini merupakan asas kepada kenaikan bayaran perkhidmatan penumpang antarabangsa.

Selain daripada itu, Perjanjian Operasi yang telah ditandatangani pada tahun 2009 di antara Kerajaan dan MAHB telah menetapkan bahawa MAHB berhak untuk menaikkan bayaran perkhidmatan penumpang antarabangsa berdasarkan satu formula berasaskan *consumer price index (CPI)* yang telah dipersetujui. Dalam aspek ini, MAHB perlu mencapai tahap perkhidmatan yang *6\benchmark* dengan menggunakan indeks antarabangsa iaitu *Airport Service Quality* dan *productivity targets* yang telah ditetapkan bagi mendapat pertimbangan kenaikan kadar caj PSC.



Menurut Perjanjian Operasi, sekiranya kadar PSC tidak dinaikkan, Kerajaan terpaksa memberi pampasan kepada MAHB dalam bentuk "*Marginal Cost Support*" (MARCS) bagi perbezaan amaun PSC yang perlu dinaikkan.

Di samping itu juga, kadar PSC yang baru ini didapati masih rendah jika dibandingkan dengan lapangan terbang antarabangsa lain di rantau ini. Kenaikan ini juga dijangka tidak akan mempunyai kesan negatif kepada sektor pelancongan di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**DATO' RASHID BIN DIN [ MERBOK ]**

**DARIPADA**

**9 NOVEMBER 2011**

**TARIKH**

**4171**

**SOALAN**

**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan sejauh mana keberkesanan sistem biometrik untuk pekerja asing yang telah dilancarkan oleh Kerajaan dalam membanteras penyeludupan manusia. Berapakah jumlah ejen-ejen yang telah dilantik dan apakah peranan ejen-ejen ini setelah selesai projek pemutihan ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Merbok yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sehingga 21 September 2011, seramai **5,086,656** orang warga asing telah direkodkan di bawah **Sistem Pangkalan Data Biometrik** dan **Sistem Sekuriti Nasional** yang mana dikenali sebagai *National Enforcement and Registration System' (NERS)*. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,016,908 orang adalah pekerja asing yang sah dan seramai 1,303,126 orang lagi adalah jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang didaftarkan di bawah Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/ PATI (Program 6P). Manakala baki seramai 2,766,622 adalah data warga asing yang memasuki negara sebagai pelawat melalui pintu-pintu masuk yang diwartakan.

Melalui sistem NERS ini, cap jari serta biodata setiap warga asing akan disimpan secara elektronik. Hasilnya, Kerajaan mempunyai profil setiap warga asing yang memasuki dan berada dalam negara ini. Profil tersebut akan dimuatkan dalam pangkalan data yang boleh diguna pakai secara holistik oleh agensi-agensi selain Jabatan Imigresen Malaysia di mana rujukan silang sentiasa dapat dilakukan dengan pangkalan data agensi masing-masing bagi

**NO.SOALAN : 20**

tujuan pelbagai. Data-data ini yang diperolehi dari sistem NERS ini tidak boleh diubah,

dimana maklumat identiti seseorang warga asing itu akan disimpan kekal.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan biometrik ini dibuat berasaskan piawaian antarabangsa yang mana membolehkan kerjasama di antara agensi-agensi antarabangsa dan agensi-agensi penguat kuasa dalam negara dilakukan dengan lebih berkesan.

Memandangkan maklumat identiti warga asing yang terdiri dari data biometrik dan biodata ini disimpan kekal, ini secara langsung boleh mengekang penggunaan dokumen perjalanan berdasarkan identiti palsu bagi tujuan kemasukan ke Malaysia atau sebagai transit untuk ke destinasi seterusnya. Pengambilan dan pengesahan biometrik seseorang warga asing yang telah direkodkan sebelum ini boleh disemak dengan pangkalan data NERS yang berupaya mengesahkan identiti warga asing tersebut. Dengan ini, ia seterusnya boleh menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran dan data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan itu sekaligus dapat membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Selain itu, penggunaan sistem biometrik ini juga boleh memberi kesan positif diantaranya seperti berikut :-

- (i) Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara kita; dan keduanya

- (ii) Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing dimana sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melantik sebanyak 336 Syarikat Pengurus dalam membantu Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan Proses Pendaftaran tersebut. Peranan Syarikat Pengurus ini hanya di peringkat fasa pertama dan fasa kedua iaitu Proses Pendaftaran dan Proses Pemutihan sahaja. Syarikat-syarikat Pengurus tersebut juga telah dipanggil taklimat dan diperjelaskan tentang peranan dan fungsi mereka.

**PERTANYAAN :**           **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**               **DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI**  
**TARIKH**                   **9 NOVEMBER 2011**           **(RABU)**  
**SOALAN**                   **NO. 41**

**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang status pembinaan Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin(UniSZA) ekoran kelulusan penubuhan Fakulti Perubatan di UniSZA.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Hospital Pengajar UniSZA di Terengganu. Pada masa ini, Kementerian sedang mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak UniSZA bagi merancang hala tuju dan pembangunan hospital pengajar tersebut.

Wo – So/VLMO Hr  
NQ – AUM44

**NGr-AUP-;**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2011**

**RUJUKAN : 4172**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

(a) berapa ramaikah warga asing yang telah diberikan kerakyatan dari bulan Mac 2008 hingga Ogos 2011 dan berikan

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

pecahan mengikut negara asal mereka; dan

(b) mengikut peraturan tetap Kementerian berapa lama rakyat asing wajib berada di negara ini sebelum diberikan kerakyatan.





## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia yang telah diberikan kepada warga asing yang telah memenuhi syarat dan kelayakan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dari tahun 2008 hingga Ogos 2011 adalah sebanyak 27,293.

Bagaimanapun, Kementerian ini tidak menyimpan rekod dan statistik jumlah permohonan yang diluluskan mengikut negara asal.

Pecahan statistik mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
2008	1,186
2009	4,777
2010	15,182
2011 (Sehingga Ogos 2011)	6,148
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>27,293</b>

**DARIPADA : Y.B. DATUK ERICENCHINMAJIMBUN**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA  
(SEPANGGAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.11.2011**

**Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan bagi beras, gula, minyak masak, gas dan lain-lain bagi setiap tahun sejak 5 tahun kebelakangan ini di setiap negeri. Apakah langkah Kerajaan untuk menjimatkan subsidi berkenaan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya subsidi merupakan pemberian Kerajaan untuk meringankan beban rakyat dengan menampung sebahagian kos yang perlu dibayar bagi mendapatkan barangan keperluan, perkhidmatan pengangkutan dan pembiayaan/pinjaman daripada dana tertentu yang membolehkan rakyat mendapatkan barangan atau perkhidmatan tersebut pada harga yang lebih rendah.

2. Golongan yang menerima manfaat daripada pemberian Kerajaan ini adalah pengguna bahan api, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi, pengguna barang-barang keperluan bersubsidi (seperti minyak masak, gula dan tepung gandum) serta pengusaha pertanian dan perikanan. Memandangkan subsidi, insentif dan bantuan disalurkan kepada semua rakyat

Malaysia yang berkeelayakan tanpa mengira kedudukan negeri, maklumat penyaluran subsidi, insentif dan bantuan berdasarkan negeri tidak dapat disediakan. Secara umumnya, sebahagian daripada subsidi, insentif dan bantuan ini diberikan secara langsung sama ada dalam bentuk wang atau secara *in kind* (dalam bentuk barangan). Manakala sebahagian lagi diberikan secara tidak langsung kepada penerima yang menikmati manfaat dalam bentuk harga/kadar yang lebih rendah daripada harga/kadar di pasaran.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pecahan penerima manfaat/penerima langsung berdasarkan jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti berikut:

BIL	SUBSIDI/INSENTIF/ BANTUAN	PERUNTUKAN		PENERIMA MANFAAT/ PENERIMA LANGSUNG
		TAHUN	RM JUTA	
	Subsidi Bahan Api (Gas Cecair/LPG, Diesel dan Petrol)	2007	7,473.40	Pengguna Bahan Api
		2008	17,556.40	
		2009	6,190.17	
		2010	9,605.14	
		2011 (Anggaran)	15,855.50	
2.	i. Biasiswa ii. Program Bantuan Pelajar Sekolah iii. Bantuan Pelajar Bagi Persediaan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	2007	1,176.04	Pelajar Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi
		2008	5,450.57	
		2009	6,697.10	
		2010	5,987.60	
		2011 (Anggaran)	7,036.27	

BIL	SUBSIDI/INSENTIF/ BANTUAN	PERUNTUKAN		PENERIMA MANFAAT/ PENERIMA LANGSUNG
		TAHUN	RM Juta	
3.	i. Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS) ii. Subsidi Gula iii. Subsidi Tepung Gandum iv. Subsidi Harga Beras (ST15)	Tahun	RM Juta	Pengguna Barang-Barang Keperluan Bersubsidi
		2007		
		2008	971.53	
		2009	1,106.32	
		2010	1,912.35	
		2011 (Anggaran)	2,682.22	
4.	i. Subsidi Harga Padi ii. Subsidi Baja Padi iii. Subsidi Benih Padi Sah iv. Insentif Pengeluaran/ Peningkatan Hasil Padi v. Insentif Nelayan/ Tangkapan Ikan vii. Bayaran Kepada Pemilik dan Pekerja Vessel	Tahun	RM Juta	Pengusaha Pertanian dan Perikanan
		2007	863.52	
		2008	1,037.33	
		2009	1,158.56	
		2010	1,377.30	
		2011 (Anggaran)	1,845.66	

4. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan menjimatkan subsidi berkenaan di samping memastikan subsidi dimanfaatkan dan disasarkan dengan lebih tepat kepada pengguna isi rumah, Kerajaan telah memulakan inisiatif merasionalisasikan subsidi melalui penguatkuasaan larangan kepada pengilang gula daripada menjual gula bersubsidi kepada syarikat/industri membuat makanan/ minuman bagi tujuan eksport mulai 1 September 2009. Selaras dengan usaha meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan meringankan beban kewangan Kerajaan, langkah rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan pada 16 Julai 2010 melibatkan bahan api dan gula. Susulan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan menjangkakan penjimatan perbelanjaan sebanyak RM750 juta. Program seterusnya pula dilaksanakan pada 4 Disember 2010 melibatkan subsidi bagi kedua-dua bahan yang sama. Langkah ini pula dianggar dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak

RM1.18 bilion. Walau bagaimanapun, penjimatan yang dijangkakan tidak dapat direalisasikan berikutan peningkatan harga minyak dunia pada tahun 2010. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak peruntukan untuk menampung kos kenaikan harga bahan tersebut dalam usaha memastikan harga yang dikenakan kepada pengguna terus kekal rendah di bawah harga pasaran.

5. Walaupun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah merasionalisasikan subsidi pada tahun 2010, namun perbelanjaan subsidi bagi tahun tersebut telah mencatat peningkatan berbanding tahun 2009. Sebahagian besar daripada peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan pembiayaan sebanyak RM3.4 bilion bagi subsidi LPG, Diesel dan Petrol berbanding tahun 2009 disebabkan oleh faktor yang diperjelaskan di atas.

6. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya 13 syarikat yang dikenal pasti menggunakan gula dalam skala besar dalam pengeluaran produk masing-masing dilarang daripada membeli gula pada harga bersubsidi mulai 5 Januari 2011. Seterusnya program rasionalisasi dilaksanakan pada 10 Mei 2011 melibatkan subsidi gula manakala mulai pada 1 Jun 2011, diesel subsidi super telah dimansuhkan bagi sektor pengangkutan darat barangan dan *vesse/* laut dalam.

7. Walaupun Kerajaan komited dalam usaha merasionalisasikan semula subsidi, namun kebajikan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan Kerajaan. Oleh yang demikian, sebarang langkah yang diambil dalam merasionalisasikan subsidi akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan menguruskan kedudukan kewangan negara.

Soalan No : X

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN                      LISAN  
DARIPADA                        **Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN  
BUJANG (SIBUTI)**  
TARIKH                             **09.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian ada bercadang untuk menekankan subjek sejarah diberi lebih perhatian dalam pembelajaran seharian bagi membendung kejadian "buta sejarah" pada masa akan datang. Sebagai contoh pada masa kini ada yang sanggup menyetepikan "Wira Negara" yang telah memperjuangkan kemerdekaan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pertanyaan tersebut telah dijawab secara serentak bersama pertanyaan **Y.B. Lenggong** pada **5.10.2011**. Kementerian Pelajaran Malaysia tiada maklumat tambahan berhubung pertanyaan tersebut.

Soalan No : X

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN